

16/07/2002

Fitnah besar Pas: Dr Mahathir

Kadir Dikoh; Hassan Omar

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kempen terbaru pembangkang yang mengedarkan pelbagai poster menghina pemimpin kerajaan, termasuk melabelkannya sebagai paderi besar berikutan pertemuan dengan Pope John II baru-baru ini, sebagai fitnah terbaru terhadapnya.

Malah, Perdana Menteri terkejut apabila ditunjukkan beberapa risalah bergambar, termasuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan tulisan 'Penjual babi tak layak jadi PM - Mahathir silap pilih penggantinya'.

"Dahsyat depa (mereka)," katanya sambil membelek-belek poster itu pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan sumbangan pendidikan dan kebajikan Bernas 2002, di Sekolah Kebangsaan Sungai Baru, di sini hari ini.

Gambar Dr Mahathir pada risalah itu, yang dipercayai baru diedarkan, memaparkan tajuk 'Mahathir Paderi Besar Gereja' dengan tajuk kecil 'Rahsia besar di sebalik menghadap Pope di Rom dan cuti di Itali'.

Satu lagi risalah berbunyi 'Mahathir nyanyuk Pak Lah merapu' dan tajuk kecil 'Sorang nak jadi Tuhan, yang satu lagi bercita-cita diangkat jadi Nabi... Haprak!'

Risalah itu turut mengutuk Puteri Umno sebagai ejen Yahudi dengan memaparkan gambar barisan Exco masing-masing memakai rantai berlambang salib diketuai Ketua Penajanya, Azalina Othman.

Dr Mahathir berkata, cerita seumpama itu tidak sepatutnya dilakukan kerana Pas mendakwa sebagai parti Islam.

"Parti Islam ikut undang-undang Tuhan, ikut ajaran Islam. Fitnah dilarang kuat oleh agama Islam. Fitnah lebih dahsyat daripada membunuh tetapi dia buat juga," katanya.

Mengenai pergaduhan membabitkan penyokong Pas ketika kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, beliau berkata ia memang cara Pas.

Katanya, Barisan Nasional (BN) tidak menggunakan kekerasan dan keganasan tetapi Pas lebih suka berbuat demikian seperti merampas kad pengenalan orang lain ketika pilihan raya kecil DUN Lunas sebelum ini.

"Rampas kad pengenalan itu bukan hak dia, hak polis tapi dia ingat boleh ikut suka dia. Inilah masalah dengan Pas, cara dia cukup kasar, cukup ganas. Kalau orang macam ini berkuasa, tak lama negeri akan hadapi masalah," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, polis memberi jaminan akan menjaga keselamatan sebaik mungkin supaya kempen sekarang lancar.

"Saya bersyukur dan ucap terima kasih kepada pegawai dan kakitangan polis. Bukan mereka memihak kerajaan, tapi jaga keamanan. Yang mengganas ialah parti lawan," katanya.

Mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdl Aziz Nik Mat menyifatkan perbuatan memaki hamun sebagai 'spare part' (alat ganti) yang terpaksa digunakan selepas segala saluran halal tidak berkesan, Dr Mahathir mempersoalkan apakah hak parti itu.

"Apa dia teguran yang halal yang dia buat. Kalau teguran itu baik, kita terima. Jadi teguran tak baik, kita tegur dia pasal dia tak berhenti (memaki hamun). Janganlah kelirukan orang Islam. Kita juga berhak mengganas tetapi kita tak buat," katanya.

Dr Mahathir berkata, terpulang kepada orang ramai sama ada mahu dipercayai atau tidak tindakan Pas menyerang peribadi serta kepemimpinannya sepanjang kempen parti pembangkang itu.

Ditanya mengapa calon lama BN dipilih bertanding, beliau berkata

kemampuan mereka untuk menang menyebabkan mereka dipilih.

"Bukan ada undang-undang yang halang orang yang kalah, tak boleh tanding lagi. Saya dulu kalah di Kota Star Selatan pada 1969, tetapi bertanding semula pada 1972 dan menang," katanya.

Beliau yakin BN boleh menang di kerusi Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit tetapi menasihatkan pekerja BN bekerja lebih kuat.

Ditanya mengapa beliau turut berkempen pada pilihan raya kecil kali ini, Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya bukan berkempen tetapi secara kebetulan menghadiri dua acara di Pendang pagi ini dan Anak Bukit petang ini./

"Lagi pun ini kawasan saya," katanya merujuk kepada Pendang yang dulu dikenali sebagai Kota Star Selatan ketika beliau menjadi Ahli Parlimen di situ pada 1964.